



## KENYATAAN MEDIA

### **PROGRAM BISNES MENJADI 2.0 'MEMPELBAGAI PENDAPATAN USHAWAN'**

1. Program Bisnes Menjadi 2.0 'Mempelbagai Pendapatan Usahawan' yang diadakan di Ibu Pejabat, Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) telah dirasmikan oleh Yang Berhormat Datuk Seri Haji Ahmad Bin Hamzah, Timbalan Menteri Pertanian Dan Industri Makanan I dengan kehadiran seramai 130 orang jemputan yang terdiri daripada peserta Program Rezeki Tani, Program Tanaman Kontan B40, Program Pemerksaan Ekonomi Golongan B40 Usahawan Agro dan juga pegawai-pegawai MADA di Kawasan Muda.
2. Objektif utama majlis ini diadakan adalah untuk menyempurnakan pemberian bantuan kepada peserta-peserta Program Rezeki Tani, Program Tanaman Kontan B40 dan Program Pemerksaan Ekonomi Golongan B40 Usahawan Agro. Peruntukan projek adalah melibatkan insentif *in-kind* yang diberikan kepada peserta dalam bentuk input pertanian dan peralatan, tenaga kerja, latihan dan khidmat nasihat teknikal serta elemen pemasaran hasil pertanian dalam industri tanaman, ternakan dan perikanan.
3. Ketiga-tiga projek merupakan antara program yang dilaksanakan bagi mempelbagaikan pendapatan usahawan selari dengan misi dan visi MADA dalam mensejahterakan sebilangan besar penduduk desa dalam Kawasan Muda
4. Projek Rezeki Tani telah memberi manfaat kepada 1,652 orang peserta dengan peruntukan sebanyak RM9.96 Juta sehingga tahun 2021. Melalui program ini, seramai 1,134 orang peserta telah berjaya terkeluar daripada sistem eKasih. Program ini telah melahirkan usahawan berjaya yang boleh menjadi contoh kepada peserta Program Rezeki Tani untuk terus berusaha memajukan diri, meningkatkan ekonomi dan taraf hidup keluarga.
5. Program Tanaman Kontan B40 telah memberi manfaat kepada 232 orang peserta dengan peruntukan sebanyak RM3,327,570.00 sehingga 2021. Melalui program ini, pihak MADA telah berjaya melahirkan usahawan baru dalam projek fertigasi cili dan halia sebanyak 232 orang. Kebanyakan usahawan baru mula bertanam dan usaha sedang dilaksanakan bagi memastikan usahawan dapat meningkatkan pendapatan selari dengan objektif program.

6. Dalam Rancangan Malaysia Ke 12 bagi tahun 2021 dan 2025, Program agromakanan melibatkan sektor tanaman, ternakan dan akuakultur di kawasan Muda terus dimajukan bagi menambah pendapatan peladang melalui Projek Pemerksaan Ekonomi Golongan B40 Agro. Projek ini merupakan projek yang memberi tumpuan kepada peningkatan pengeluaran makanan segar dalam industri tanaman, ternakan dan perikanan selain memberi tumpuan terhadap peningkatan pendapatan usahawan dalam golongan B40 di MADA. Program ini membantu meningkatkan taraf hidup usahawan-usahawan di 27 Pertubuhan Peladang Kawasan MADA, dengan melibatkan 25 peserta pada tahun 2021 dengan nilai peruntukan RM0.5 juta dan seramai 50 peserta bagi tahun 2022 dengan nilai peruntukan sebanyak RM1 juta.

*Dikeluarkan oleh;  
Cawangan Komunikasi Korporat  
Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA)  
21 Oktober 2021*